SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

*Diterbitkan dengan kuasa*

Jil. LXXIX] KOTA KINABALU, KHAMIS, 11 JULAI 2024 [No. 27

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG,**
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

**No. 186** [No. JKM.PHB: 600-4/1/896 (7)

ORDINAN TANAH
(Bab 68 Sabah)

PERISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK PEJABAT DAN RUMAH KAKITANGAN JABATAN KERJA RAYA
DI PEKAN MEMBAKUT
DAERAH MEMBAKUT
DI BAWAH SEKSYEN 28

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizab kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu untuk Tapak Pejabat dan Rumah Kakitangan Jabatan Kerja Raya, Pekan Membakut, Membakut.

Bab 68

JADUAL

| *Tempat* | *Daerah* | *Bil. Perihal Lot Ukur* | *Pelan Bil.* | *Luas Kawasan Lebih Kurang* |
|---|---|---|---|---|
| Pekan Membakut | Membakut | 17200007 | 929100001 | 0.404 hektar |

ORDINAN TANAH - *(samb.)*

Pelan *Warta* Bil. 929100001 yang menunjukkan kawasan 0.404 hektar yang ditandakan dalam warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Jun 2024.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM.PHB: 600-4/1/896 (7)

LAND ORDINANCE
(Sabah Cap. 68)

DECLARATION OF LAND RESERVED FOR
PUBLIC WORKS DEPARTMENT STAFF OFFICE AND QUARTERS SITE
AT PEKAN MEMBAKUT
DISTRICT OF MEMBAKUT
UNDER SECTION 28

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say, Land Reserve for Department Public Works Department Staff Office and Quarters Site, Membakut Township, Membakut.

Cap. 68

SCHEDULE

| *Locality* | *District* | *Description Survey Lot No.* | *Plan No.* | *Approximate Area* |
|---|---|---|---|---|
| Membakut Township | Membakut | 17200007 | 929100001 | 0.404 hectare |

*Gazette* Plan No. 929100001 showing an area of 0.404 hectare delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of June 2024.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Chief Minister of Sabah.*

**No. 187** [No. JKM.PHB: 600-4/1/901 (9)

ORDINAN TANAH
(Bab 68 Sabah)

PERISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK PERKUBURAN ANAK NEGERI KAMPUNG ALAB LANAS
DAERAH KENINGAU
DI BAWAH SEKSYEN 78

Bab 68

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 78(1), (2) dan (3) Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah mengisytiharkan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersama ini sebagai Tanah Rizab Anak Negeri yang dikenali sebagai Tanah Rizab Tapak Perkuburan Anak Negeri Kampung Alab Lanas (kemudian daripada ini disebut sebagai 'Tanah Rizab') untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak Negeri di Kampung Alab Lanas tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1) Tiada seorang pun Anak Negeri yang bukan pada lazimnya bermastautin di Kampung Alab Lanas boleh mengebumikan jenazah di dalam Tanah Rizab tersebut melainkan ia terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis untuk berbuat demikian daripada Pemegang Amanah;

2) Ketua Daerah Keningau, Ketua Anak Negeri Keningau dan Ketua Kampung Alab Lanas adalah dengan ini dilantik sebagai Pemegang Amanah Tanah Rizab itu tertakluk kepada arahan-arahan Pegawai Daerah Keningau;

3) Pemegang Amanah hendaklah, bersama-sama dengan penduduk kampung, sentiasa menyebabkan sempadan Tanah Rizab tersebut dibersihkan dengan cara yang memuaskan hati Pegawai Daerah Keningau dan tanda-tanda sempadan sentiasa terjaga dan tidak terganggu;

4) Pemegang Amanah hendaklah memastikan bahawa jarak antara kubur dengan tebing sungai adalah sekurang-kurangnya 30 kaki bagi tanah berbatu dan sekurang-kurangnya 100 kaki bagi tanah pasir atau tanah lembut; dan

5) Seseorang yang terkilan oleh sesuatu tindakan atau sesuatu yang tidak dilakukan Pemegang Amanah atau Pegawai Daerah Keningau atau kedua-duanya, boleh memohon kajian semula baginya kepada Setiausaha Hasil Bumi yang keputusannya adalah muktamad.

ORDINAN TANAH - *(samb.)*

JADUAL

| *Tempat* | *Daerah* | *Bil. Perihal Lot Ukur* | *Bil. Pelan* | *Luas Kawasan Lebih Kurang* |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Alab Lanas | Keningau | 13200281 | 913200054 | 1.598 hektar |

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 21 Jun 2024.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM.PHB: 600-4/1/901 (9)

LAND ORDINANCE
(Sabah Cap. 68)

DECLARATION OF LAND RESERVED FOR
NATIVE BURIAL GROUND OF KAMPUNG ALAB LANAS
DISTRICT OF KENINGAU
UNDER SECTION 78

In exercise of the powers conferred upon him by subsections 78(1), (2) and (3) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has declared the State Land described in the Schedule hereto to be a Native Reserve to be known as Native Burial Ground of Kampung Alab Lanas subject to the following terms:

Cap. 68

1) No Native who is not habitually resident in Kampung Alab Lanas shall bury any corpse within the Reserve unless he shall have previously obtained permission in writing to do so from the Trustees;

2) The District Chief of Keningau, the Native Chief of Keningau and the Village Head of Kampung Alab Lanas are hereby appointed as Trustees for the Reserve subject to the directions of the District Officer of Keningau;

3) The Trustees shall, together with the villagers, always cause the boundaries of the Reserve to be cleared in a manner satisfactory to the District Officer of Keningau and the boundary marks shall always be maintained and undisturbed;

4) The Trustees shall determine that the distance between the graves and the river bank must not be less than 30 feet apart for rocky land and must not be less than 100 feet apart for sandy or soft land; and

5) Any person aggrieved by any act or omission by the Trustees or the District Officer of Keningau or to both, may apply for a review thereof to the Secretary of Natural Resources whose decision shall be final.

SCHEDULE

| *Locality* | *District* | *Description Survey Lot No.* | *Plan No.* | *Approximate Area* |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Alab Lanas | Keningau | 13200281 | 913200054 | 1.598 hectare |

Dated at Kota Kinabalu, this 21st day of June 2024.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Chief Minister of Sabah.*

**No. 188** [No. JKR.JUB (S) 600-7/1/257

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| Menaik Taraf Jambatan Sg. Pancuran, KM0.20 Jalan Nabawan Township, Nabawan, Sabah | Opsyen 1<br><br>i) Berdaftar dengan CIDB<br><br>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB;<br>Gred: G5<br>Kategori: CE<br>Pengkhususan:<br><br>CE02 (Pembinaan Jambatan dan Jeti)<br><br>dan<br><br>CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)<br><br>dan<br><br>iii) Memegang Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah<br><br>atau<br><br>Opsyen 2<br><br>i) Berdaftar dengan PUKONSA Kelas B Sahaja, Tajuk I,<br><br>Tajuk Kecil 1 (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam) | RM100.00 Sahaja<br><br>*Pembayaran hendaklah dibuat Secara Tunai sahaja* | Terbuka | Taklimat Tender & Lawatan Tapak<br><br>Tarikh : 18 Disember 2023 (Isnin)<br><br>Masa : 10.00 pagi<br><br>Tempat : Pejabat Jurutera Daerah, JKR Nabawan<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut.*<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN sahaja yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut.*<br><br>*Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.* |

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| | dan<br><br>Tajuk Kecil 2 (Jambatan, Jeti dan Struktur Kerja Laut)<br><br>dan<br><br>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah | | | |

| | |
|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | 19hb Disember 2023 sehingga 8hb Januari 2024<br>Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari<br>- 2.00 petang - 4.00 petang<br><br>Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi<br>- 2.00 petang - 4.00 petang |
| Tarikh Tutup Tender | 8hb Januari 2024 (Isnin - Jam 12.00 tengah hari) |
| Tempat Memasukkan Tender | Peti Tawaran Jabatan Kerja Raya Sabah,<br>Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,<br>Bangunan Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS),<br>88582 Kota Kinabalu, Sabah. |

1. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil yang ditauliahkan sahaja (Pegawai-pegawai syarikat yang dinyatakan dalam sijil SPKK/CIDB) atau pemilik atau wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat (PUKONSA).

2. Dokumen-dokumen berikut adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-

2.1 Sijil-sijil ASAL 'PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB' dan 'SIJIL PERAKUAN PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)' yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender atau sijil-sijil ASAL 'PUKONSA' dan 'PERAKUAN PENDAFTARAN CIDB' yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender.

2.2 Salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 yang belum disahkan.

TENDER NOTICES - *(cont.)*

3. Pemilik Sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/ Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-

3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan

3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperoleh semasa waktu pejabat, pada 19 Disember 2023 di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, Bangunan Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS), 88582 Kota Kinabalu, Sabah.

5. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha,<br>
Jawatankuasa Pembukaan Tender Perolehan Kerja,<br>
Projek Pembangunan Persekutuan,<br>
Jabatan Teknik Negeri Sabah,<br>
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,<br>
Bangunan Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS),<br>
88582 Kota Kinabalu, Sabah.

*Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman web jkr.sabah.gov.my.*

*Pengarah Kerja Raya.*

**No. 189** [No. JKR.JUB (S) 600-5/1/541

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| Pembinaan Bangunan Rumah Buruh Juruukur Daerah Lahad Datu | i) Berdaftar dengan PUKONSA<br><br>Kelas D sahaja, Tajuk II<br><br>Tajuk Kecil 2 (a) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang yang Tidak Melebihi Empat (4) Tingkat)<br><br>dan<br><br>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah | RM150.00 Sahaja<br><br>*Pembayaran hendaklah dibuat*<br><br>*i) Secara Tunai*<br><br>atau<br><br>*ii) Melalui Aplikasi Sabah Pay* | Terbuka | Taklimat Tender & Lawatan Tapak<br><br>Tarikh : 19 Disember 2023 (Selasa)<br><br>Masa : 10.00 pagi<br><br>Tempat : Pejabat Jurutera Daerah, JKR Lahad Datu<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut.*<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN sahaja yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut.*<br><br>*Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.* |

TENDER NOTICES - *(cont.)*

| | |
|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | 21hb Disember 2023 sehingga 15hb Januari 2024<br>Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari<br>- 2.00 petang - 4.00 petang<br><br>Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi<br>- 2.00 petang - 4.00 petang |
| Tarikh Tutup Tender | 15hb Januari 2024 (Isnin - Jam 10.00 pagi) |
| Tempat Memasukkan Tender | Peti Tender KKRS,<br>Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,<br>88582 Kota Kinabalu, Sabah. |

1. Pemilik atau wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat.

2. Dokumen-dokumen berikut yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-

2.1 Sijil ASAL 'PUKONSA'

2.2 Sijil ASAL 'Perakuan Pendaftaran CIDB'

2.3 Salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 & 2.2 yang belum disahkan.

3. Pemilik Sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/ Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-

3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan

3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperoleh semasa waktu pejabat, mulai 21 Disember 2023 di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, 88582 Kota Kinabalu, Sabah.

5. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pembukaan Lembaga Tawaran,
Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS),
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
88582 Kota Kinabalu, Sabah.

*Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman web jkr.sabah.gov.my.*

*Pengarah Kerja Raya.*

**No. 190** [No. JKR.JUB (S) 600-5/1/641

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| Pembinaan Bangunan Rumah Buruh Juruukur Daerah Kota Marudu | i) Berdaftar dengan PUKONSA<br><br>Kelas D sahaja, Tajuk II<br><br>Tajuk Kecil 2 (a) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang yang Tidak Melebihi Empat (4) Tingkat)<br><br>dan<br><br>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah | RM150.00 Sahaja<br><br>*Pembayaran hendaklah dibuat*<br><br>*i) Secara Tunai*<br><br>atau<br><br>*ii) Melalui Aplikasi Sabah Pay* | Terbuka | Taklimat Tender & Lawatan Tapak<br><br>Tarikh : 20 Disember 2023 (Rabu)<br><br>Masa : 10.00 pagi<br><br>Tempat : Pejabat Jurutera Daerah, JKR Kota Marudu<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut.* |

TENDER NOTICES - *(cont.)*

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| | | | | *Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN sahaja yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut.*<br><br>*Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.* |

| | |
|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | 21hb Disember 2023 sehingga 15hb Januari 2024<br>Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari<br>- 2.00 petang - 4.00 petang<br><br>Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi<br>- 2.00 petang - 4.00 petang |
| Tarikh Tutup Tender | 15hb Januari 2024 (Isnin - Jam 10.00 pagi) |
| Tempat Memasukkan Tender | Peti Tender KKRS,<br>Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,<br>88582 Kota Kinabalu, Sabah |

1. Pemilik atau wakil yang sah sahaja dengan membawa ‘SURAT TAULIAH’ yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat.

2. Dokumen-dokumen berikut yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-

2.1 Sijil ASAL ‘PUKONSA’

2.2 Sijil ASAL ‘Perakuan Pendaftaran CIDB’

2.3 Salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 & 2.2 yang belum disahkan.

3. Pemilik Sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/ Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-

3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan

3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperoleh semasa waktu pejabat, mulai 21 Disember 2023 di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, 88582 Kota Kinabalu, Sabah.

5. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pembukaan Lembaga Tawaran,
Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS),
Tingkat 7, Ibu Pejabat JKR,
88582 Kota Kinabalu, Sabah.

*Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman web jkr.sabah.gov.my.*

*Pengarah Kerja Raya.*

**No. 191** [No. JKR.JUB (S) 600-5/1/536

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| Pembinaan Bangunan Rumah Buruh Juruukur Daerah Tawau | i) Berdaftar dengan PUKONSA<br><br>Kelas D sahaja, Tajuk II<br><br>Tajuk Kecil 2 (a) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang yang Tidak Melebihi Empat (4) Tingkat)<br><br>dan<br><br>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah | RM150.00 Sahaja<br><br>*Pembayaran hendaklah dibuat*<br><br>*i) Secara Tunai*<br><br>atau<br><br>*ii) Melalui Aplikasi Sabah Pay* | Terbuka | Taklimat Tender & Lawatan Tapak<br><br>Tarikh : 18 Disember 2023 (Isnin)<br><br>Masa : 10.00 pagi<br><br>Tempat : Pejabat Jurutera Bahagian, JKR Tawau<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut.*<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN sahaja yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut.*<br><br>*Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.* |

| | |
|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | 21hb Disember 2023 sehingga 15hb Januari 2024<br>Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari<br>- 2.00 petang - 4.00 petang<br><br>Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi<br>- 2.00 petang - 4.00 petang |
| Tarikh Tutup Tender | 15hb Januari 2024 (Isnin - Jam 10.00 pagi) |
| Tempat Memasukkan Tender | Peti Tender KKRS,<br>Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,<br>88582 Kota Kinabalu, Sabah |

1. Pemilik atau wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat.

2. Dokumen-dokumen berikut yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-

2.1 Sijil ASAL 'PUKONSA'

2.2 Sijil ASAL 'Perakuan Pendaftaran CIDB'

2.3 Salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 & 2.2 yang belum disahkan.

3. Pemilik Sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/ Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-

3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan

3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperoleh semasa waktu pejabat, mulai 21 Disember 2023 di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, 88582 Kota Kinabalu, Sabah.

TENDER NOTICES - *(cont.)*

5. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha,
Jawatankuasa Pembukaan Lembaga Tawaran,
Kementerian Kerja Raya Sabah (KKRS),
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
88582 Kota Kinabalu, Sabah.

*Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman web jkr.sabah.gov.my.*

*Pengarah Kerja Raya.*

**No. 192** [No. JKR.JUB (S) 600-5/1/806

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut:-

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| Cadangan Pembinaan Rumah Kerajaan di Daerah Kecil Pagalungan Nabawan, Sabah | i) Berdaftar dengan PUKONSA Kelas C sahaja, Tajuk II<br><br>Tajuk Kecil 2 (a) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang yang Tidak Melebihi Empat (4) Tingkat)<br><br>dan<br><br>ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah | RM100.00 Sahaja<br><br>*Pembayaran hendaklah dibuat*<br><br>*i) Secara Tunai*<br><br>atau<br><br>*ii) Melalui Aplikasi Sabah Pay* | Terbuka | Taklimat Tender & Lawatan Tapak<br><br>Tarikh : 19 Disember 2023 (Selasa)<br><br>Masa : 9.00 pagi<br><br>Tempat : Pejabat Jurutera Daerah, JKR Nabawan<br><br>*Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut.* |

| Tajuk Projek | Gred, Kategori dan Pengkhususan/ Kelas, Kepala dan Sub-Kepala | Harga Dokumen Tender | Jenis Tender | Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| | | | | *Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN sahaja yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut.*<br><br>*Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.* |

| | |
|---|---|
| Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender | 2hb Januari 2024 sehingga 22hb Januari 2024<br>Isnin - Khamis - 8.30 pagi - 12.00 tengah hari<br>- 2.00 petang - 4.00 petang<br><br>Jumaat - 8.30 pagi - 11.00 pagi<br>- 2.00 petang - 4.00 petang |
| Tarikh Tutup Tender | 22hb Januari 2024 (Isnin - Jam 12.00 tengah hari) |
| Tempat Memasukkan Tender | Peti Tender,<br>Lembaga Tawaran Negeri Sabah,<br>Kementerian Kewangan Negeri Sabah,<br>Bahagian Perolehan dan Harta Awam,<br>Tingkat Satu (1), Blok C, Menara Kinabalu,<br>Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,<br>88400 Kota Kinabalu, Sabah. |

TENDER NOTICES - *(cont.)*

1. Pemilik atau wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat.

2. Dokumen-dokumen berikut yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-

2.1 Sijil ASAL 'PUKONSA'

2.2 Sijil ASAL 'Perakuan Pendaftaran CIDB'

2.3 Salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 & 2.2 yang belum disahkan.

3. Pemilik Sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/ Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-

3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan

3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.

4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperoleh semasa waktu pejabat, mulai 2 Januari 2024 di Kaunter Penjualan Dokumen Tender, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR, 88582 Kota Kinabalu, Sabah.

5. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha,
Lembaga Tawaran Negeri Sabah,
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,
Bahagian Perolehan dan Harta Awam,
Tingkat Satu (1), Blok C, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah.

*Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperoleh melalui laman web jkr.sabah.gov.my.*

*Pengarah Kerja Raya.*

*REPEATED NOTIFICATIONS*

*No. 182* [No. JKM.PHB: 600-4/1/902 (14)

ORDINAN TANAH
(Bab 68 Sabah)

PERISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK POS PGA (PASUKAN GERAKAN AM)
DI KAMPUNG PAGALUNGAN
DAERAH NABAWAN
DI BAWAH SEKSYEN 28

Bab 68

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 28(1) Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah merizab kawasan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual ini yang mana pada pendapatnya adalah dikehendaki bagi maksud awam, iaitu untuk Tapak Pos PGA (Pasukan Gerakan Am) di Kg. Pagalungan.

JADUAL

| *Tempat* | *Daerah* | *Bil. Perihal Lot Ukur* | *Pelan Bil.* | *Luas Kawasan Lebih Kurang* |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Pagalungan | Nabawan | 15200030 | 915100013 | 0.211 hektar |

Pelan Bil. 915100013 yang menunjukkan kawasan 0.211 hektar yang ditandakan dalam warna hijau adalah disimpan di pejabat Pengarah Tanah dan Ukur, Kota Kinabalu.

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 10 Jun 2024.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Ketua Menteri Sabah.*

*REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)*

[No. JKM.PHB: 600-4/1/902 (14)

LAND ORDINANCE
(Sabah Cap. 68)

DECLARATION OF LAND RESERVED FOR
GENERAL OPERATIONS FORCE POST SITE
IN KAMPUNG PAGALUNGAN
DISTRICT OF NABAWAN
UNDER SECTION 28

Cap. 68

In exercise of the powers conferred upon him by subsection 28(1) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has reserved the State Land described in the Schedule hereto which in his opinion is required for a public purpose, that is to say for General Operation Force Post Site in Kg. Pagalungan.

SCHEDULE

| *Locality* | *District* | *Description Survey Lot No.* | *Plan No.* | *Approximate Area* |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Pagalungan | Nabawan | 15200030 | 915100013 | 0.211 hectare |

Plan No. 915100013 showing an area of 0.211 hectare delineated in green colour is deposited in the office of the Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu.

Dated at Kota Kinabalu, this 10th day of June 2024.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Chief Minister of Sabah.*

*No. 183* [No. JKM.PHB: 600-4/1/898 (9)

ORDINAN TANAH
(Bab 68 Sabah)

PERISYTIHARAN TANAH RIZAB UNTUK
TAPAK KEDIAMAN ANAK NEGERI KAMPUNG DELAYAN BARU
DAERAH KENINGAU
DI BAWAH SEKSYEN 78

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 78(1), (2) dan (3) Ordinan Tanah, Yang di-Pertua Negeri telah mengisytiharkan Tanah Kerajaan yang diperihalkan di dalam Jadual bersama ini sebagai Tanah Rizab Anak Negeri yang dikenali sebagai Tanah Rizab Kediaman Anak Negeri Kampung Delayan Baru (kemudian daripada ini disebut sebagai 'Tanah Rizab') untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak Negeri Kampung Delayan Baru bagi maksud kediaman tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Bab 68

1) Tanah Rizab ini adalah untuk kegunaan sepenuhnya oleh Anak Negeri Kampung Delayan Baru untuk pembinaan rumah kediaman dan bangunan tambahan yang lain;

2) Penduduk Kampung tersebut adalah dibenarkan untuk menjalankan adat resam industri kampung, memelihara ayam, binatang ternakan dan berkebun tanaman jualan di dalam kawasan Tanah Rizab tersebut;

3) Tiada seorang pun Anak Negeri yang bukan pada lazimnya bermastautin di Kampung Delayan Baru dibenarkan mendirikan dan membina sebarang bangunan di dalam Tanah Rizab tersebut tanpa keizinan bertulis daripada Pemegang Amanah;

4) Ketua Daerah Keningau, Ketua Anak Negeri Keningau dan Ketua Kampung Delayan Baru adalah dengan ini dilantik sebagai Pemegang Amanah Tanah Rizab itu tertakluk kepada arahan-arahan Pegawai Daerah Keningau;

5) Pemegang Amanah hendaklah, bersama-sama dengan penduduk kampung, sentiasa menyebabkan sempadan Tanah Rizab tersebut dibersihkan dengan cara yang memuaskan hati Pegawai Daerah Keningau dan tanda-tanda sempadan sentiasa terjaga dan tidak terganggu; dan

6) Seseorang yang terkilan oleh apa-apa tindakan atau apa-apa peninggalan oleh Pemegang Amanah atau Pegawai Daerah Keningau atau kedua-duanya, boleh memohon kajian semula baginya kepada Setiausaha Hasil Bumi yang keputusannya adalah muktamad.

*REPEATED NOTIFICATIONS - (cont.)*

ORDINAN TANAH - *(samb.)*

JADUAL

| *Tempat* | *Daerah* | *Bil. Perihal Lot Ukur* | *Bil. Pelan* | *Luas Kawasan Lebih Kurang* |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Delayan Baru | Keningau | 13200282 | 913200055 | 8.106 hektar |

Bertarikh di Kota Kinabalu, pada 11 Jun 2024.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Ketua Menteri Sabah.*

[No. JKM.PHB: 600-4/1/898 (9)

LAND ORDINANCE
(Sabah Cap. 68)

DECLARATION OF
NATIVE RESIDENTIAL RESERVE FOR KAMPUNG DELAYAN BARU
DISTRICT OF KENINGAU
UNDER SECTION 78

In exercise of the powers conferred upon him by subsections 78(1), (2) and (3) of the Land Ordinance, the Yang di-Pertua Negeri has declared the State Land described in the Schedule hereto to be a Native Reserve to be known as Kampung Delayan Baru Native Residential Reserve (hereinafter referred to as 'the Reserve') for the sole use of the Natives of Kampung Delayan Baru for residential purpose subject to the following terms:

Cap. 68

1) The Reserve is for the sole use of the Natives of Kampung Delayan Baru for the construction of dwelling houses and other ancillary buildings;

2) The residents of the Kampung may be permitted to practise traditional kampung industries, rearing of fowls, domestic animals and cash crops farming within the Reserve;

3) No Native who is not habitually resident in Kampung Delayan Baru shall be permitted to erect and construct any building within the Reserve without the written consent of the Trustees;

4) District Chief of Keningau, Native Chief of Keningau and the Village Head of Kampung Delayan Baru are hereby appointed as Trustees for the Reserve subject to the directions of the District Officer of Keningau;

5) The Trustees shall, together with the villagers, always cause the boundaries of the Reserve to be cleared in a manner satisfactory to the District Officer of Keningau and the boundary marks shall always be maintained and undisturbed; and

6) Any person aggrieved by any act or omission by the Trustees or the District Officer of Keningau or to both, may apply for a review thereof to the Secretary of Natural Resources whose decision shall be final.

SCHEDULE

| *Locality* | *District* | *Description Survey Lot No.* | *Plan No.* | *Approximate Area* |
|---|---|---|---|---|
| Kampung Delayan Baru | Keningau | 13200282 | 913200055 | 8.106 hectare |

Dated at Kota Kinabalu, this 11th day of June 2024.

By His Excellency's Command,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI BIN HAJI NOOR,
*Chief Minister of Sabah.*

**Kadar langganan berikut bagi Warta Kerajaan Negeri Sabah yang berkuat kuasa mulai daripada 1 Januari 2024 adalah diterbitkan untuk makluman Umum:**

**KADAR LANGGANAN UNTUK TAHUN 2024**

***Warta Kerajaan*** termasuk tambahan-tambahan:- (Tidak termasuk Tambahan Tanda Perdagangan)

| | RM | |
|---|---|---|
| Langganan Tahunan di dalam Malaysia ... ... | 120.00 | |
| Langganan Tahunan di luar Malaysia ... ... ... | 180.00 | |
| Tambahan Tanda Perdagangan (untuk satu keluaran) | 2.40 | |
| Sesuatu naskhah *Warta* Kerajaan, Tambahan-tambahan, Rang Undang-undang, Laporan Dewan Undangan Negeri, Pekeliling dan lain-lain. | | |
| Tidak lebih daripada 8 muka ... ... ... ... | 1.80 | |
| Tidak lebih 9 hingga 16 muka ... ... ... ... | 2.40 | |
| Tidak lebih 17 hingga 32 muka ... ... ... ... | 3.00 | |
| Tidak lebih 33 hingga 48 muka ... ... ... ... | 3.60 | |
| Tidak lebih 49 hingga 64 muka ... ... ... ... | 4.20 | |
| Tidak lebih 65 hingga 96 muka ... ... ... ... | 5.40 | |
| Lebih daripada 96 muka ... ... ... ... ... | 7.20 | dan tambah RM1.20 untuk setiap 32 muka yang lebih. |
| Senaskhah Tahunan Tambahan Pertama dan Kedua serta indeks 2020 (dijilid dengan Kulit Keras) ... ... | RM 42.00 | |

**Kadar-kadar di atas adalah termasuk belanja Pos biasa (mel laut).**

**Pengiriman Wang hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kota Kinabalu, Sabah. Cek dan Wang Pos hendaklah dibuat pembayarannya kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, dan dipalang "& Co".**

# Untuk Makluman

**(1) Pelanggan bagi Warta Kerajaan Negeri dan terbitan-terbitan Kerajaan lain seperti Laporan Tahunan, Laporan Jabatan dan sebagainya hendaklah dialamatkan kepada Pencetak Kerajaan, Jabatan Cetak Kerajaan, Km. 4, Jalan Tuaran, Beg Berkunci 2004, 88554 Kota Kinabalu.**

**(2) Pelanggan-pelanggan yang hendak mendapatkan Warta Kerajaan Persekutuan hendaklah memohon terus kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad, Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur.**

Jabatan Cetak Kerajaan

DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN,
LIEW CHERN WEI, A.D.K., B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2024.

P.K. 0001 (L) - 2024